Volume III
No. 37

Thursday
25th January, 1962

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILLS PRESENTED [Col. 3745]

THE SUPPLY BILL, 1962—

Committee of Supply (Thirteenth Allotted Day)—

Heads 48—53 [Col. 3746]

Heads 54—59 [Col. 3761]

Heads 60—64 [Col. 3818]

DI-TERBITKAN OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N.,
PEMANGKU PENCHETAK KERAJAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
1962

Harga: $1

FEDERATION OF MALAYA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the First Dewan Ra'ayat

Thursday, 25th January, 1962

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

" the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

" the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

" the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).

" the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).

" the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).

" the Minister of Transport, DATO' SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

" the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).

" the Minister of Labour, ENCHE' EAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

" the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).

" the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

" the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

" the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).

" the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKA-VASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

" the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).

The Honourable ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
" ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, P.J.K. (Krian Laut).
" ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).
" TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
" TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
" TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
" ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
" ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
" ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johor Bahru Barat).
" TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
" ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
" TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
" ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
" DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
" ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
" ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
" ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
" ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
" ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
" DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
" ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
" ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
" ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
" ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
" ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
" TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
" TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
" ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
" ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
" ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
" TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
" ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
" ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
" ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
" ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
" CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
" ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).

The Honourable ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
" ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
" ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
" ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
" ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
" DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
" ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
" ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
" ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
" ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
" ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
" ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
" ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
" DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
" ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
" ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
" TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
" NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
" ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
" ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
" ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
" TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
" ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
" TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
" TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
" TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N. (Johor Tenggara).
" ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
" ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
" ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
" ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
" TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
" ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
" ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
" WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
" WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
" WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
" ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).

The Honourable ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).

" ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).

" PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).

" TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).

" ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

" DATO' SULEIMAN BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Minister without Portfolio) (Muar Selatan) (*On leave*).

" the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).

" the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).

" ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

" ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).

" ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

" ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).

" ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

" DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

BILLS PRESENTED

THE PARLIAMENT (MEMBERS' REMUNERATION) (AMENDMENT) BILL

Bill to amend the Parliament (Members' Remuneration) Act, 1960; presented by the Prime Minister; read the First time; to be read a Second time at a subsequent sitting.

THE LIFE ASSURANCE (COMPANIES COMPULSORY LIQUIDATION) BILL

Bill to provide for the compulsory winding-up of certain companies carrying on life assurance business; presented by the Minister of Finance; read the First time; to be read a Second time at a subsequent sitting.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1962

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Thirteenth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr. Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Heads 48 to 53—

Resumption of debate on Question:

That the sum of $25,938,884 for Heads 48 to 53 stand part of the Schedule.

The Assistant Minister of Rural Development (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambong perchakapan saya sa-malam. Tuan

Pengerusi, Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menudoh saya sa-bagai Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar sentiasa pergi ka-sana sini, masok kampong keluar kampong, hanya bersharah sahaja. Pendek kata, beliau itu menudoh bahawa saya ini bersharah dengan ada niat yang tidak menguntongkan kerja Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Dengan ini saya suka-lah hendak mengambil peluang menafikan dengan sa-kuat[2]-nya tudohan itu. Sunggoh pun saya mengaku yang saya selalu ka-sana sini membuat sharahan[2], tetapi sharahan itu sa-benar-nya memang sa-suai-lah dengan Arahan No. 3 yang di-terbitkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, khas-nya Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar. Arahan No. 3 ini ia-lah satu arahan di-bawah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Peringkat Kedua, dan Yang Berhormat sendiri telah bersetuju bahawa jika Ranchangan Pembangunan Luar Bandar pada seluroh-nya hendak di-jayakan dengan erti kata yang sa-benar-nya, maka kerjasama ra'ayat sangat-lah di-kehendaki, bahkan kerjasama ra'ayat sangat-lah perlu.

Saya hairan bagaimana-kah Kementerian hendak mendapat kerjasama ra'ayat bagi menjayakan ranchangan ini jika sa-kira-nya sharahan[2] tidak di-buat di-sana sini untok mengerah jiwa dan tenaga pendudok kampong untok faedah mereka sendiri dan kemajuan negara seperti mana yang di-chatitkan dalam Arahan No. 3 ini. Arahan No. 3 ini, Tuan Pengerusi, berbunyi demikian: "Jiwa Merdeka, Ingin Maju, Sanggup Bekerja, Terus Berusaha, Tetap Jaya. Tujuan mengerah jiwa dan tenaga pendudok[2] kampong untok faedah mereka sendiri dan kemajuan negara". Oleh itu saya hairan bagaimana-kah Kementerian ini dapat mengerah jiwa dan tenaga ra'ayat, jika saya sa-bagai Menteri Muda dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri di-kehendaki oleh pehak pembangkang berpelok tuboh dalam Kementerian sahaja.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh) untok penjelasan.....

Tuan Haji Abdul Khalid: Dan juga di-bawah arahan dan tajok semangat merdeka ada kata[2]: "kami perlu menarek kesedaran untok mendorong kemerdekaan, keinginan mengechap hasil perjuangan, kesanggupan berusaha berhabisan[2] sa-moga negara ma'amor dan aman". Dengan tugas ini sa-kali lagi saya katakan dengan tegas-nya peri mustahak-nya pegawai[2] Kementerian dan juga saya dan Yang Berhormat Menteri kena ka-sana sini membuat sharahan[2]. Tetapi kalau sa-kira-nya ada chadangan yang baik daripada pehak Yang Berhormat boleh menchadangkan supaya segala chita[2] ini dapat di-sempurnakan dengan pehak kami dudok dalam Kementerian sahaja, kami sanggup-lah menerima, sebab berjalan ka-sana sini kami mengaku memaksa Kerajaan menggunakan wang ringgit yang banyak. Dan jika boleh ada satu chara yang baharu yang izinkan kami tidak payah keluar ka-sana sini membuat sharahan dan sa-terus-nya menjayakan Arahan No. 3 saya uchapkan terima kaseh. Saya harap jika boleh Yang Berhormat itu memberi chadangan kapada Kementerian dan saya sendiri sanggup-lah menerima-nya.

Satu lagi perkara yang saya suka hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan chadangan Yang Berhormat itu supaya saya ini di-tukarkan ka-lain Kementerian. Jika perlu saya memang seronok di-tukarkan daripada Kementerian ini, tetapi oleh sebab ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini satu ranchangan penting dan perlu bagi nasib bangsa, ugama dan tanah ayer dan sa-terus-nya untok mendatangkan kema'amoran kapada bangsa, saya perchaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tiada dapat menerima permintaan itu. Dan lagi saya suka memberitahu bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar tiada perlu kapada nasehat[2] daripada pehak Yang Berhormat itu untok menukarkan Menteri[2] Muda-nya.

Baharu hari ini sahaja saya sedar yang pehak PAS takut kapada saya. Saya ingat pehak PAS hanya takut kapada Ahli Yang Berhormat dari Johore Tenggara, rupa²-nya saya di-hari ini termasok dalam senarai orang yang sa-macham itu juga. Saya berasa bangga dan saya berharap akan terus berkhidmat untok merobohkan PAS.

Bagitu juga saya suka hendak men-jawab tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkenaan dengan kelas pelajaran dewasa. Beliau telah mengatakan ada orang² yang sudah pandai membacha dan menulis masok belajar ka-kelas dewasa untok menchukopi bilangan pelajar² dalam satu² kelas. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini susah hendak berlaku oleh sebab sa-belum sa-suatu kelas itu di-daftarkan oleh Pengelola Pelajaran Dewasa Negeri, guru² itu hendak-lah menyediakan satu senarai pelajar dan nama kad pengenalan-nya. Semua senarai² ini ada-lah di-pereksa dengan teliti-nya oleh Penyelia yang ber-kenaan dengan kerjasama Pengelola² dan Ketua² Kampong. Kanak² yang berumor 15 tahun ka-bawah sunggoh pun di-benarkan belajar di-dalam kelas dewasa tetapi nama² mereka itu tidak boleh di-daftarkan sa-bagai pelajar. Yang sa-benar-nya kelas dewasa ini bukan-lah kelas untok membasmikan buta huruf sa-mata². Pelajaran dewasa ini di-jalankan dengan dua chara ia-itu satu kelas pelajaran rumi dan satu lagi kelas bahasa kebangsaan. Sunggoh pun ada orang dewasa di-kawasan luar bandar, ia-itu orang² tani, yang memang mahir menulis tulisan jawi tetapi untok menuntut ilmu pengetahuan bagi membaikki nasib mereka itu pelajaran tulisan rumi di-pandang mustahak. Sebab itu-lah mereka di-ajar rumi. Sa-benar-nya pehak Kementerian ini sedar daripada mula² lagi atas ke-mungkinan perkara² yang sa-umpama itu berlaku; oleh hal yang demikian semua Penyelia dan Pengelola² telah di-ingatkan supaya berjaga². Tetapi saya ingin mengatakan ia-itu sa-hingga hari ini belum ada satu pengaduan daripada pehak yang berkenaan itu. Boleh jadi tudohan itu betul atau tidak tetapi kalau Yang Berhormat sanggup membuat tudohan yang tepat dan bersurat dengan menyebutkan nama guru² itu pehak Kementerian ini akan mengambil tindakan ka-atas pehak yang berkenaan itu.

Berkenaan dengan chadangan hendak mengadakan pelajaran ugama, saya suka menyatakan bahawa perkara ini sedang di-usahakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa di-bawah Kemen-terian Pembangunan Luar Bandar. Hari ini Kementerian sedang menulis surat kapada semua Kerajaan² negeri dan di-harap chadangan ini akan dapat sambutan oleh Kerajaan² Negeri. Perkara ini ada-lah perkara ugama oleh itu Kementerian hanya boleh menguruskan dengan negeri dan terpulang-lah kapada Kerajaan Negeri mengambil tindakan.

Bagitu juga saya suka hendak hadapkan jawapan saya kapada Yang Berhormat daripada Bachok. Yang Berhormat daripada Bachok telah mendengar uchapan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan telah bertanya mengapa hanya dua ranchangan sahaja yang di-sebutkan. Beliau hendak tahu apa-kah dua ranchangan yang baharu itu sa-lain daripada mengeluarkan Majal-lah.

Kementerian ini akan mengadakan Kutub-khanah di-tiap² kampong di-bawah ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Usaha² telah di-jalankan untok mengadakan Balai Raya di-tiap² kampong yang besar dan di-tiap² Balai Raya itu di-adakan almari untok menyimpan buku². Buku² ini ia-lah untok memberi ilmu pengetahuan kapada pendudok² di-kawasan luar bandar dengan harapan mereka itu dapat mengamalkan-nya bagi meninggikan taraf hidup mereka.

Ranchangan yang kedua ia-lah Kursus Radio. Saya dengan gembira-nya memberitahu bahawa Asia Foundation telah memberi kapada Kementerian Pembangunan Luar Bandar Radio Transistor dan mulai bulan April, 1962 ini akan di-jalankan lah Ranchangan tersebut. Di-bawah

ranchangan ini Kementerian[2] yang berkenaan kan bersharah melalui Radio ka-kelas[2] dewasa dan orang[2] dewasa dapat-lah mengikutkan ajaran[2] yang berguna untok menambahkan ilmu pengetahuan mereka sa-terus-nya membaikkan keadaan hidup mereka. Juga Yang Berhormat dari Bachok telah mengatakan wang yang di-beri kapada RIDA sebanyak 3.5 juta boleh jadi tidak menchukopi. Saya tidak bersetuju dengan tegoran itu sebab 3.5 juta itu ia-lah untok pentadbiran sahaja. Perbelanjaan untok perusahaan ia-lah di-bawah Development Estimate sa-banyak 3.4 juta lagi. Sa-lain dari-pada itu RIDA sendiri ada 7.6 juta untok pinjaman kapada perusahaan[2]. Dengan ini saya sendiri nampak wang memang menchukopi.

Berkenaan dengan Pekan Sari memang-lah dasar dan tujuan kita hendak mengadakan Pekan[2] Sari di-rata[2] kampong dan dengan ini dapat-lah orang[2] kampong meng-gunakan kemudahan[2] yang sedang di-beri oleh Kerajaan melalui Ran-changan Pembangunan Luar Bandar. Khas-nya untok mereka itu menge-luarkan hasil[2] mereka ka-pekan[2] supaya dapat meninggikan taraf hidup mereka. Sa-kian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah daripada apa yang di-tugaskan bagi saya menjawab-nya.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Yang di-Pertua, dalam muka 226 dan 227 Sub-head 12 saya suka-lah menyatakan di-sini ia-itu tidak ada siapa yang tidak sukakan kemajuan dan kema'amoran dalam negeri ini dan orang[2] yang tidak saperti itu ada-lah orang[2] yang tidak siuman dan tidak centre otak-nya (*Ketawa*). Di-sini saya suka-lah hendak menjawab sadikit, Tuan Yang di-Pertua, tentang jawapan Menteri Muda malam tadi ia-itu atas tegoran yang telah di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ia-itu tentang uchapan Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar pada suatu masa dahulu yang mengatakan sa-kira-nya Kerajaan PAS Kelantan tidak mahu berkerjasama, maka wang Pembangunan Luar Bandar akan terus di-keluarkan ka-chawangan UMNO. Ini telah di-napikan oleh Menteri Muda sa-malam mengatakan bahawa yang sa-benar-nya ia-lah kata-nya: wang Pembangunan Luar Bandar itu akan di-serahkan kapada Jawatan-Kuasa Kemajuan Kampong dengan nasihat UMNO di-tempat itu. Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah erti-nya jawapan Menteri Muda Yang Berhormat itu kalau di-kaji dengan halus-nya bahawa uchapan Yang Berhormat Menteri Muda itu makin jelas hakikat apa yang di-tegor dari Yang Berhormat Pasir Puteh itu, ada-kah sudah sampai masa-nya Kerajaan hendak mengenepikan machinery Kerajaan dan bergantong kapada parti-nya sendiri, wal-hal kita mempunyai satu Kerajaan di-Kelan-tan mempunyai Wakil Ra'ayat Negeri dan Wakil Dewan Ra'ayat. Maka tidak-kah patut yang Menteri Muda ini mendapatkan fikiran daripada Kerajaan atau sa-kurang[2]-nya mene-rima fikiran Wakil[2] Ra'ayat di-sana, tetapi kata-nya hendak menerima nasihat daripada UMNO di-tempat itu. Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang Menteri Muda boleh mem-buat pengakuan dalam Rumah yang bertuah ini satu kaedah pentadbiran yang memalukan, demokrasi apa-kah itu? Demokrasi terpimpin-kah. Sangat-lah memalukan Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, malah sangat[2]-lah memalu-kan Menteri Pembangunan Luar Bandar, dan Kerajaan sendiri, sa-orang Menteri Muda membuat salah menyebabkan nilai Kementerian terancham dan terduga maka sampai-lah masa-nya bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh sa-malam supaya Menteri Muda itu di-keluarkan dari-pada jawatan-nya. Atau sa-kurang[2]-nya di-tukarkan kapada jawatan yang lain yang mana satu jawatan yang maseh kosong ia-lah jawatan Menteri Muda Penerangan. Tuan Yang di-Pertua, satu soal berkenaan dengan uchapan Menteri Muda itu ia-itu bagaimana ia boleh mengeluarkan perkataan jikalau, Kerajaan Negeri tidak memberi kerjasama, pada-hal Kerajaan sa-memang kerjasama

pernah di-berikan oleh Kerajaan Negeri, apa erti-nya jikalau, jika tidak tersimpul di-dalam maksud[2] yang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, biar Menteri Muda itu insaf akan kesilap-an-nya dan ketelanjoran-nya sendiri dan saya perchaya Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar tidak berfikir saperti mana fikiran beliau itu.

Tuan Haji Abdul Khalid: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan.

Dato' Mohamed Hanifah: Tidak payah-lah (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Muda itu ber-chakap di-atas tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh sebab beliau kata mentohmah-kan dia berjalan ka-sana sini. Kami di-sini bukan tidak suka Menteri Muda itu berjalan sana sini kerana men-jalankan tugas-nya, tetapi apa yang tidak di-setuju oleh pehak kami tentang Menteri Muda ini kadang[2] sambil menjalankan kewajipan-nya tidak di-pesahkan-nya daripada fahaman ka-partian dan nyata-lah dalam uchapan[2]-nya yang di-buat ada-lah hanya untok menguatkan parti-nya sendiri. Wal hal dalam keadaan kita pada hari ini perkara yang penting dan mustahak ia-lah ranchangan memajukan ra'ayat, menerangkan kapada ra'ayat bagai-mana mustahak-nya dalam sa-suatu ranchangan dan kalau pehak Menteri Muda itu membawa pada fahaman ka-partian, maka timbul-lah sentimen ka-partian di-kampong[2] sa-hingga boleh menyebabkan perpechahan di-kalang-an ra'ayat sendiri.

Saya berasa hairan yang Menteri Muda itu tadi mengatakan sekarang ini pehak pembangkang takut kapada-nya—bagaimana takut mereka itu kapada wakil Johor Tenggara bagitu-lah juga kami takut kapada pehak beliau. Kalau kami takut kami tidak akan menegor atau menghentam kapada beliau itu. Saya harap Menteri Yang Berhormat itu sedar sa-bagaimana Ahli Johor Tenggara yang telah pun lembek di-sebabkan hentaman dari-pada pehak kami di-sini.

The Deputy Prime Minister (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain): Tuan Yang di-Pertua, saya suka men-jawab beberapa perkara yang telah di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat yang belum lagi di-jawab oleh Menteri Muda. Yang pertama sa-kali saya suka menjawab wakil dari Besut. Ia mendatangkan pandangan ia-itu kata-nya patut-lah di-tambah lagi ex-pert dalam beberapa chawangan iktisad negara kita ini. Saya sendiri tidak faham apa expert yang di-kehendaki-nya itu, sebab dalam semua chawangan pentadbiran Kera-jaan kita ada mempunyai expert[2] yang di-fikirkan menasabah bagi kehendak kita. Tiap[2] perkara yang di-perbuat oleh Kerajaan itu di-timbangkan dengan sa-halus[2]-nya dan dari satu masa ka-satu masa jikalau kita ber-kehendakan satu expert atau sa-suatu perkara yang hendak di-buat tentu-lah kita akan chari expert itu daripada mana yang di-fikirkan patut.

Berkenaan dengan iktisad negeri Ahli Yang Berhormat itu mencha-dangkan ia-itu patut-lah kita meng-adakan semua sa-kali barang[2] ke-perluan kita negeri ini. Saya suka menerangkan keadaan iktisad negara kita ini telah berubah tidak macham dahulu. Pada zaman dahulu kata orang Inggeris subsistence economy kita itu berlainan daripada masa itu. Kita ta' dapat berjual beli, berhubong perniagaan dengan negeri lain. Jadi apa[2] barang yang kita kehendaki kita keluarkan sendiri, tetapi keadaan iktisad yang ada sekarang ini tentu-lah lebeh menasabah dan memberi hasil yang banyak pada kita jikalau kita menumpukan tenaga kita pada dua tiga perkara yang boleh mendatang-kan hasil sa-benar-nya dan perkara yang lain itu yang kita dapat beli dengan murah kita beli dari luar. Walau pun demikian kita tidak-lah mendatangkan perkara yang besar saperti tanam padi mengeluarkan beras. Itu kita ikhtiarkan ranchangan tersebut dengan sa-berapa boleh bagi menambahkan keluaran beras dan lain[2], tetapi dengan keadaan iktisad yang ada sekarang ini tentu-lah kita hendak menjual barang[2] yang kita

fikirkan boleh mendatangkan suatu faedah kapada ra'ayat negeri kita dan pada negara kita. Tidak-lah dapat kita bandingkan dengan zaman dato' nenek kita dahulu yang di-katakan zaman subsistence economy, kalau kita hendak berbalek keadaan yang sa-macham itu boleh-lah barangkali tetapi tentu-lah taraf hidup bangsa kita tertinggal rendah dan ta' boleh sesuai dengan keadaan sekarang ini.

Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor (Besut): Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi pandangan tadi ia-lah berkenaan dengan lada kering. Saya sudah dapat tahu sekarang sudah ada orang[2] Melayu kita yang menanam lada kering. Jadi dengan ta' ada expert barangkali mungkin lada kering kita ini ta' berapa maju, sebab kalau kita tahu kapal yang datang di-sini membawa barang[2] tersebut, maka saya perchaya hasil[2] lada kering kita yang hendak di-jual di-pasar itu ta' laku. Jadi rugi-lah sahaja, dan kalau keadaan yang bagini banyak kita baiki mungkin kita juga dapat mengexport lada kering.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap di-atas dasar sahaja. Berkenaan dengan lada kering ini saya fikir ta' payah mengadakan expert lada kering ini, kalau ada banyak dapat lada kering ini di-keluarkan dalam negeri ini tentu-lah ta' payah kita membeli lada kering dari luar negeri.

Berkenaan dengan tanah[2] bijeh yang di-chadangkan hendak di-baiki supaya tanah itu boleh di-gunakan sa-mula. Ini memang sudah ada ranchangan Kerajaan yang hendak menjayakan dengan sa-berapa boleh tanah[2] bijeh yang telah di-keluarkan isi bijeh itu akan di-perbaiki sa-mula supaya dapat di-gunakan bagi faedah negara.

Ahli[2] Yang Berhormat dari Temerloh dan juga Pasir Puteh telah mengemukakan berkenaan dengan Kelantan Land Administration Scheme. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan yang pekerjaan hendak memberi title ini tidak di-jalankan dengan memberi puas hati. Saya suka menerangkan di-sini bahawa peratoran yang di-perbuat ia-lah pegawai yang mendengar peminta[2] itu ia-lah Land Administration Officer. Biasa-nya sa-lepas ia mendengar keterangan itu ia membuat keputusan dan memberi saperti di-katakan dalam bahasa Inggeris probationary title dan jikalau dalam masa tiga tahun lama-nya tidak ada apa[2] aduan dan ta' ada ulang bichara, sebab Mahkamah ada berhak memberi keputusan dalam perkara ini maka baharu-lah di-beri title atau grant yang tetap. Saya fikir peratoran ini chukop memberi peluang kapada mereka yang tidak puas hati bagi mendatangkan aduan dan pandangan.

Berkenaan dengan Kelantan Land Scheme ini tujuan Kerajaan Persekutuan sa-benar-nya hendak menolong Kerajaan negeri bagi membaiki keadaan tanah negeri Kelantan, sebab banyak tanah[2] yang sekarang di-dudoki oleh orang ramai yang ta' ada tentu title-nya dan ta' ada siapa yang mempunyai dengan sa-benar. Dengan ada-nya Kelantan Land Scheme ini di-harap akan bertambah baik dari satu hari ka-satu hari, tetapi yang mendukachitakan hati saya pada hari ini sunggoh pun Kerajaan Persekutuan ada berbuat bagitu tetapi Kerajaan Negeri dengan sebab tidak menerima nasihat dari Persekutuan dalam hal tanah ini ada-lah tidak menjalankan pekerjaan dalam ranchangan tanah dengan sempurna-nya dan ini akan memburokan keadaan tanah negeri Kelantan itu, dan nampak-nya saperti kata pepatah Melayu: Kerajaan Persekutuan ini tutop lobang—Kerajaan Kelantan gali lobang. Jadi akhir-nya kalau berpanjangan perkara ini jadi-lah pekerjaan di-buat oleh Kerajaan Persekutuan ini saperti kata orang pekerjaan Pak Pandir—gali lobang tutop lobang. Itu-lah keadaan-nya dan saya berasa dukachita di-atas perkara ini dan terpaksa-lah saya menerangkan kapada Dewan ini yang Kerajaan Persekutuan berasa dukachita oleh sebab di-fikirkan kalau keadaan di-Kelantan ini berpanjangan atau kedudokan Kerajaan Kelantan berpanjangan,

maka keadaan tanah di-Kelantan itu makin sa-hari, makin bertambah burok dan pekerjaan Kerajaan Persekutuan hendak membaiki keadaan tanah itu tidak akan memberi kesan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada mendatangkan chadangan ia-itu patut di-tambah pegawai[2] yang kata-nya ada kurang itu. Saya pun ta' faham bila di-katakan kurang pegawai yang mana kurang-nya pegawai itu ta' dapat tiada dalam pejabat Kerajaan di-sebabkan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua kita, pekerjaan kita sa-makin hari sa-makin bertambah jadi terpaksa-lah kita menambahkan pegawai[2] dari sa-masa ka-samasa. Akan tetapi, sa-belum kita menambah bilangan pegawai, Kerajaan mesti berpuas hati yang pegawai[2] yang ada sekarang ini ada menjalankan tanggong-jawab-nya dengan sempurna. Jadi negeri Kelantan yang di-katakan kurang pegawai itu, saya sendiri belum puas hati lagi yang pegawai[2] di-Kelantan itu ada menjalankan pekerjaan[2]-nya dengan sa-penoh[2]-nya. Jadi yang mendukachitakan saya sunggoh pun ada pegawai[2] di-Kelantan itu, tetapi mereka itu tidak di-beri panduan dan anjoran daripada Kerajaan Negeri supaya dapat mereka itu menjalankan pekerjaan dengan sa-penoh[2]-nya saperti yang di-buat oleh negeri[2] lain.

Dan lagi Yang Berhormat itu mengatakan biasa-nya projek tidak dapat di-jalankan, melainkan dia-nya mendapat persetujuan daripada saya sendiri. Saya fikir perkara ini tidak benar, sebab ada beratus[2] projek di-seluroh Tanah Melayu, daripada Kementerian[2] telah di-jalankan daripada sa-hari ka-sahari, bahkan boleh di-katakan semua projek itu di-jalankan dengan tidak ada mendapat perhatian daripada saya sendiri terlebeh dahulu. Dalam lawatan saya hanya-lah memerhatikan perjalanan projek itu, akan tetapi ada-lah projek[2] kechil yang di-kehendaki di-jalankan dengan segera, dan saya sendiri memberi kebenaran dalam lawatan saya. Jadi tentu-lah tidak menasabah jika semua sa-kali projek dalam kemajuan lima tahun ini hendak di-setuju oleh saya sendiri sa-belum dapat di-jalankan, saya fikir semua projek tidak dapat di-jalankan.

Yang Berhormat dari Muar Utara ada mendatangkan chadangan ia-itu patut-lah di-beri tambahan bantuan lagi kapada pendudok dalam ranchangan tanah sa-lepas daripada dua tahun. Chadangan Kerajaan ia-lah di-mana yang di-fikirkan menasabah akan di-beri lagi bantuan kapada tahun yang ketiga dan harus juga pada tahun yang keempat; menurut keadaan mereka, kalau di-fikirkan pendudok itu belum lagi mendapat hasil yang menchukupi daripada barang[2] yang di-tanam-nya tentu-lah Kerajaan akan menambah lagi pertolongan.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat dari Bachok dalam hal RIDA sunggoh pun Menteri Muda telah menjawab dalam hal ini, saya suka menerangkan berkenaan dengan dasar RIDA yang sa-benar-nya. Semenjak di-adakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dasar RIDA telah di-tukar, dan sekarang ini RIDA hanya-lah bertanggong-jawab atas dua perkara: yang pertama mengadakan pasaran kapada barang[2] keluaran dan yang kedua-nya memaju dan menjayakan perusahaan[2] kechil di-kampong[2]. Jadi ini-lah dua perkara sahaja yang di-tugaskan dalam RIDA. Berkenaan dengan memberi pertolongan kapada orang Melayu dalam perniagaan itu ada-lah tanggongan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Pehak RIDA ada-lah memberi pinjaman wang sadikit sa-banyak, tetapi tentu-lah tidak menchukupi, dan dalam lapangan ini RIDA hanya-lah berchadang hendak memberi latehan kapada mereka yang suka menjalankan perniagaan supaya dapat mereka ini mempunyai pengalaman yang sempurna. Jadi had itu-lah di-chadangkan RIDA mengambil bahagian dalam hal perniagaan memberi pertolongan kapada orang Melayu menjalankan perniagaan, kerana di-fikirkan dalam lapangan

itu-lah RIDA boleh mengambil bahagian yang sempurna. RIDA hanya di-tentukan dalam dua perkara yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan hal pendudok dalam scheme F.L.D.A. yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Bachok tidak di-beri anjoran yang sempurna atas hal menanam barang[2] pokok[2] di-dusun-nya, saya suka terangkan bahawa pehak F.L.D.A. ada-lah sentiasa berunding dengan pehak Agriculture, dan perkara ini di-jalankan dengan terator menurut nasihat yang di-berikan dari satu masa ka-satu masa, dan juga manager tiap[2] scheme itu ada-lah memerhatikan dan memberi panduan kapada pendudok itu supaya mereka sa-benar-nya ada menanam barang[2] yang boleh memberi faedah dan mendatangkan hasil kapada mereka.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Bachok di-atas soal Pilot Development Schemes yang di-katakan ada dalam Anggaran Belanjawan ini telah dua tahun lama-nya tetapi belum dapat di-jalankan. Saya suka terangkan ini ada-lah pilot untok pembangunan kaum, di-sebabkan dasar pembangunan kaum ini telah di-ubah, dan di-harap pada tahun ini dapat-lah di-gunakan wang ini untok tengkatan kedua Ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Bagi yang akhir-nya sa-kali ada-lah nampak-nya perbinchangan yang panjang sadikit terhadap kedudokan Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar. Saya suka menegaskan di-sini penukaran Menteri Muda ini ada-lah tanggong-jawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan saya fikir tidak payah mana[2] pehak memberi nasihat kapada-nya di-mana hendak di-letakkan sa-saorang Menteri itu.

Enche' Harun bin Pilus (Trengganu Tengah): *Rises.*

Mr. Chairman: Biasa-nya, dalam Parlimen kalau pehak Menteri Kerajaan telah menjawab tidak-lah di-benarkan sa-siapa berchakap lagi. Kalau di-benarkan berchakap, kita akan lambat; berchakap-lah lebeh dahulu sa-belum Menteri menjawab, tetapi kalau tuan hendak berchakap boleh, sebab kita dalam Committee. Kita mengambil Parliamentary Practice dalam United Kingdom. Kalau hendak berchakap pendek sahaja, saya benarkan, nanti Menteri terpaksa bangun menjawab lagi.

Enche' Harun bin Pilus: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Adult Education. Pelajaran Dewasa di-kawasan saya boleh di-katakan perkembangan-nya chukup menarek perhatian ra'ayat, dan tidak-lah ada timbul perbezaan di-antara mana[2] parti yang menjalankan kerja Pelajaran Dewasa di-sana (*Tepok*). Dan saya suka menarek perhatian Kementerian ini, mudah[2]an di-tambah lebeh banyak lagi Kelas Dewasa di-daerah itu, sebab kawasan itu mundor.

Walau pun bagitu, saya dapat tahu di-Dungun berkenaan dengan Kelas Dewasa ini guru-nya hanya di-utamakan pada satu pehak sahaja ia-itu orang yang chenderong kapada Perikatan, dan ada guru di-kalangan PAS yang di-fikirkan chenderong kapada PAS tidak mendapat tempat dalam membuka Kelas Dewasa ini. Saya harap perkara ini jangan-lah terjadi lagi, dan di-harap Kementerian dapat membezakan kerja memajukan pentadbiran dengan kerja memajukan parti masing[2].

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan Commissioner of Lands. Oleh kerana dalam Kementerian ini ada di-nyatakan dalam perkara hal ehwal pentadbiran tanah, maka saya suka menarek perhatian pehak Kementerian ini tentang kekusutan tanah di-Trengganu, perkara ini bukan-lah satu perkara yang baharu bahkan perkara ini semenjak daripada Kerajaan penjajahan dahulu lagi dan sa-hingga-lah sekarang ini, dan banyak permohonan baharu yang bertimbun[2]. Saya dapat mengetahui daripada pegawai yang bertanggong-jawab

kekusutan tanah ini bukan-lah hanya bergantong kapada tidak chekap-nya pegawai yang berkenaan, tetapi kekurangan pegawai yang menjalan tugas itu, terutama S.O. Maka kalau boleh dengan jalan Kementerian ini mengambil perhatian untok menambah pegawai[2], terutama S.O. di-kawasan[2] tanah yang banyak tidak di-luluskan dan tidak di-jalankan ukoran dalam negeri Trengganu.

Tuan Haji Abdul Khalid: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu dapat memberikan nama-nya kapada Pengelola Pelajaran Dewasa di-Trengganu dan sakira-nya orang yang di-namakan itu ada kelayakkan dan ada pengaroh-nya, saya perchaya Kementerian ini akan menimbangkan.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tanah saya suka menerangkan di-sini bahawa tanah[2] ini ada-lah tanggong-jawab Kerajaan[2] Negeri. Akan tetapi di-masa yang lalu oleh sebab Kerajaan Negeri Trengganu itu tidak dapat bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan tidak mahu menerima nasehat daripada Kerjaan Persekutuan maka itu-lah sebab-nya tidak dapat Kerajaan memberi bantuan tanah ini. Dan saya harap dengan ada-nya Kerajaan yang baharu di-negeri Trengganu sekarang ini, akan dapat-lah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat (*Tepok*). Saya harap perkara[2] tanah dapat di-perbaiki dengan saberapa segera dengan memberikan puas hati kapada pendudok[2] negeri Trengganu itu (*Tepok*).

Question put and agreed to.

The sum of $25,938,884 for Heads 48 to 53 ordered to stand part of the Schedule.

Heads 54 to 59—

The Minister of Transport (Dato' Sardon bin Haji Jubir): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun kerana mengemukakan anggaran belanjawan biasa yang di-minta oleh Kementerian Pengangkutan, ia-itu Kepala 54 hingga 59 dan dengan izin Dato', saya hendak huraikan dengan sa-kali gus.

Kepala 54 berthabit dengan wang untok Ibu Pejabat Kementerian. Peruntokan yang di-kehendaki di-bawah Kepala ini bagi tahun 1962 ada-lah terang dan jelas dan tiada-lah payah rasa-nya saya memberi apa[2] ulasan mengenai-nya.

Saya suka memberi tahu bahawa Setia Usaha Kerja bagi Majlis Keselamatan Jalan Raya Persekutuan telah di-lantek pada bulan October tahun yang lalu. Majlis ini telah di-tubohkan oleh Menteri Pengangkutan yang terdahulu daripada saya untok menasehatkan Menteri Pengangkutan atas perkara keselamatan jalan raya termasok pendidikan kapada kanak[2] berkenaan dengan bahaya[2] di-jalan raya dan bagaimana hendak mengelakkan-nya. Pada masa yang lalu kerja[2] Majlis ini telah tidak dapat di-jalankan sa-bagaimana yang di-jadualkan kerana tidak ada Setia Usaha yang khas untok-nya. Tetapi Majlis ini telah juga berjaya membuat kerja[2] yang mustahak sa-bagai badan penasehat kapada Menteri Pengangkutan. Dengan ada-nya Pejabat Setia Usaha yang tetap pada masa ini, tugas[2]-nya dapat-lah di-perkembangkan dan tidak dapat tiada kerja[2]-nya akan menolong Kerajaan di-dalam usaha-nya untok membaiki darjah keselamatan di-jalan[2] raya kita, dan akan mengurangkan kemalangan.

Kepala 55—Penerbangan Awam. Saya fikir tidak-lah payah saya memberi ulasan atas peruntokan "Personal Emoluments" kerana peruntokan ini lebeh kurang sama saperti tahun 1961. Perbelanjaan di-bawah OCAR lebeh sadikit daripada tahun 1961, dan ini ia-lah di-sebabkan oleh naik-nya sewa teleprinter dan gaji serta "allowance" rumah bagi pekerja[2] hari dan lain[2] lagi.

Perbelanjaan khas atau OCSE berjumlah $68,500 ia-itu $60,000 daripada wang ini ada-lah upah memasang perkakas radio yang bakal kita terima di-bawah Ranchangan Colombo yang berharga lebeh kurang $375,000.

Perkakas radio ini ia-lah untok menggantikan perkakas yang ada sekarang. Jabatan Talikom telah menganggarkan ia-itu sa-banyak $60,000 akan di-kehendaki untok memasang alat[2] ini di-lapangan[2] kapal terbang.

Sharikat Penerbangan Tanah Melayu, terus berkhidmat dengan selamat dan chekap. Sharikat ini dan Kementerian saya sentiasa memerhatikan dengan teliti-nya kehendak[2] orang ramai kapada perkhidmatan penerbangan. Penerbangan terus di-antara Kuala Lumpur dan Kota Bharu telah di-adakan dan perkhidmatan akan di-sambongkan ka-Trengganu pada bulan hadapan.

Saya tidak berchadang hendak membuat ulasan atas perkara Lapangan Kapal Terbang Antara Bangsa yang baharu. Saya akan menyentoh perkara itu apabila kita sampai kapada Anggaran Belanjawan Pembangunan.

Kepala 56 Jabatan Kajichuacha. Perkhidmatan Kajichuacha ada-lah sangat mustahak pada penerbangan awam dan pada membantu perusahaan[2] lain saperti memberi amaran tentang ribut untok kemudahan nelayan[2]. Kemudahan[2] ini akan terus di-berikan. Sa-bagai anggota Pertubohan Chuacha Sa-dunia (World Meteorological Organisation), kita di-kehendaki memberi ma'lumat yang agak tepat mengenai keadaan chuacha.

Di-bawah kepala ini jumlah peruntokan wang yang di-minta tidak berbedza sangat dengan peruntokan tahun lalu. Di-bawah "Personal Emoluments" peruntokan telah di-perbuat untok lima orang lagi Penolong Pegawai Kajichuacha (Meteorological Assistant)—dua akan di-kehendaki menjaga Pejabat Kajichuacha di-Cameron Highlands yang akan di-dirikan pada awal tahun ini dan tiga di-Sitiawan untok menjalankan penyelidikan mengenai angin di-tingkat tinggi sa-bagai memenohi chadangan Pertubohan Kajichuacha sa-dunia. Tambahan kapada Kepala Kechil 2 OCAR di-kehendaki untok belanja mengenai radar amaran ribut, bayaran ayer dan lampu di-Steshen[2] Kajichuacha yang di-luar bangunan Jabatan Penerbangan Awam, dan untok belanja bersangkut dengan "Air Conditioned Unit" di-Kota Bharu.

Berhubong dengan perbelanjaan khas (O.C.S.E.) $5,000 ia-lah untok membeli perkakas tambahan (spares) bagi radar amaran ribut. Atas chadangan Jabatan Talikom perkakas tambahan bagi radar amaran ribut akan di-simpan di-Kuala Lumpur dan Kota Bharu. Peruntokan ini dapat mengurangkan peruntokan bagi Kepala Kechil 3 di-bawah perbelanjaan tahunan biasa (O.C.A.R.) daripada $13,500 kapada $8,500.

Kepala 57—Jabatan Laut. Jabatan ini memberi berbagai[2] perkhidmatan kapada perkapalan tempatan dan antara bangsa di-pelabohan[2] Persekutuan dan perkhidmatan ini mesti-lah di-jalankan sa-taraf dengan darjat antara bangsa[2]. Jabatan ini, melalui Lembaga Chukai Api (Light Dues Board), ada-lah juga bertanggong-jawab pada menjaga rumah[2] api dan memberi berbagai[2] kemudahan kapada perkapalan di-sekeliling pantai. Jabatan ini juga yang bertanggong-jawab pada menjalankan Undang[2] Perkapalan (Merchant Shipping Ordinance).

Jumlah wang yang di-minta bagi tahun 1962 ada-lah berlebeh sa-banyak $72,663 daripada tahun yang lalu. Di-bawah "Personal Emoluments" saya meminta menaikkan tingkat jawatan satu Boarding Officer dari tingkat satu ka-tingkat khas (Special Grade); dua jawatan baharu Probationary Boarding Officer untok Trengganu untok menggantikan Pegawai Hasil Kanan (Senior Revenue Officer) Kemaman, dan Penolong Pegawai Kastam, Dungun; satu jawatan Serang Grade I di-naikkan ka-Serang, Superscale; satu jawatan baharu G.C.S. Timescale dan satu jawatan baharu bagi sa-orang budak penjaga pejabat sa-bagai kaki-tangan Pengarah Laut kerana kaki-tangan di-Pulau Pinang telah di-bahagikan dua ia-itu untok Pejabat Shahbandar

dan Pejabat Pengarah Laut; dan satu jawatan baharu, Perkhidmatan Kerani Negeri untok Negeri Johore, kerana kerja di-Jabatan Laut Johore sudah bertambah[2]. Ahli[2] Yang Berhormat harap sedia ma'alum bahawa chawangan Penghantar atau "Forwarding Branch" di-Pejabat Shahbandar di-Port Swettenham telah di-tutop mulai pada awal tahun ini. Kerja[2] "Forwarding" akan di-selenggarakan oleh perkhidmatan Keretapi. Oleh itu peruntokan tidak-lah di-adakan bagi Forwarding Clerks saperti di-perbuat di-bawah Item 33 dalam Anggaran Tahun 1961. Sa-bagai ganti-nya Kepala Kechil 8 telah di-adakan di-dalam Anggaran tahun ini supaya dapat Pentadbiran Keretapi membelanjakan kerja "forwarding" itu.

Di-bawah perbelanjaan khas (O.C.S.E.) tambahan yang di-beri kapada Kepala Kechil 4 Miscellaneous ia-lah mengenai perbekalan ayer untok kapal. Jumlah kapal menggunakan Pelabohan Port Swettenham telah bertambah banyak. Hasil lebeh daripada $100,000 akan di-jangka dapat daripada pemberian ayer kapada kapal[2] ini.

Kepala 58—Jabatan Penyiasat Kapal[2]. Jabatan Penyiasat Kapal[2] ini mempunyai sa-buah Pejabat kechil di-Pulau Pinang. Ia-nya bertanggong-jawab pada mengeluarkan sijil[2] keselamatan kapada kapal[2] sa-telah menjalankan penyiasatan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Undang[2] Perkapalan. Peruntokan yang di-kehendaki di-bawah Kepala ini bagi tahun 1962 ada-lah terang dan jelas. Ahli[2] Yang Berhormat harap ma'alum bahawa bahagian (item) baharu telah di-tambahkan di-bawah peruntokan gaji atau Personal Emoluments ia-itu "Overtime Allowance". Allowance ini ia-lah untok Penyiasat[2] Kapal yang menyiasat kapal[2] sa-lepas kerja biasa di-Pejabat atau pun pada tiap[2] hari Ahad apabila di-kehendaki oleh Wakil[2] kapal. 50 peratus daripada bayaran kerja "overtime" akan di-bayar kapada Kerajaan dan 50 peratus di-simpan oleh Pegawai Penyiasat yang berkaitan.

Kepala 59—Jabatan Pengangkutan Jalan Raya. Tambahan peruntokan Personal Emoluments daripada $1,552,443 dalam tahun 1962 ada-lah untok membayar tambahan gaji serta membayar gaji kaki-tangan yang baharu. Pegawai[2] yang baharu termasok dua orang Pegawai Penguat Kuasa (Enforcement Officer), tiga Pemereksa Kereta[2], dua juru-taip, tujoh kerani dan tiga Paper Searchers.

Berkenaan dengan perbelanjaan tahunan (O.C.A.R.) tambahan yang di-minta ia-lah tambahan biasa kapada satu[2] Jabatan yang makin besar tiap[2] waktu. Peruntokan bagi Pembayaran balek bayaran lesen, Badge dan Hackney Carriage Plate sekarang ini di-buat di-bawah Kepala C. 11 Kepala Kechil 8.

Wang sa-banyak $25,000 yang di-kehendaki di-bawah perbelanjaan khas (O.C.S.E.) termasok-lah perbelanjaan membeli satu "weigh-bridge" atau alat menimbang berharga $20,000 bagi Pejabat Pendaftar dan Pemereksa Kereta[2] Motor di-Kota Bharu. Oleh kerana bayaran lesen yang di-kenakan atas kereta[2] barang di-kira mengikut berat kereta[2] itu, maka mustahak-lah di-adakan kemudahan[2] menimbang. Pada masa ini "weigh-bridge" yang sesuai tidak ada di-Kota Bharu.

Pada masa saya mengemukakan Anggaran Belanjawan Kementerian saya tahun lalu, hanya Lembaga Pelesen Pusat sahaja yang telah tertuboh untok menjalankan kerja mengeluarkan lesen kereta[2] perdagangan kapada kereta[2] yang berjalan melalui lebeh daripada satu daerah pelesenan. Pada masa itu Kuasa[2] Lembaga Pelesen tempatan di-serahkan kapada Pendaftar dan Pemereksa Kereta[2] Motor. Sukachita-lah saya Menyatakan di-sini bahawa sekarang semua Lembaga Pelesen Tempatan telah di-tubohkan dan Lembaga[2] ini telah menjalankan kerja[2]-nya dengan baik. Saya uchapkan ribuan terima kaseh kapada semua yang berkaitan kerana jasa[2] mereka yang baik itu.

Kerajaan terus menjalankan dasarnya hendak menggalakkan orang[2] Melayu mengambil bahagian yang chergas dalam perusahaan pengangkutan dan mengenai perkara ini saya suka hendak menyatakan bahawa kita telah dapat menchapai kemajuan dari tahun ka-satahun. Jumlah lesen[2] lori yang di-punyai orang[2] Melayu ada-lah saperti berikut:

	31hb. December, 1960	31hb. December, 1961	Bertambah sa-banyak
Lesen 'A'	91	101	10
Lesen 'B'	242	266	24
Lesen 'C'	375	473	98

Jumlah lesen[2] lori yang di-punyai oleh Perkongsian Melayu-China pula ada-lah saperti berikit:

	31hb. December, 1960	31hb. December, 1961	Bertambah sa-banyak
Lesen 'A'	74	86	12
Lesen 'B'	7	12	5
Lesen 'C'	46	63	17

Dalam perusahaan bas, sekarang ini tidak kurang daripada 21 Sharikat di-punyai oleh orang Melayu sa-lain daripada 48 Sharikat berkongsi. Jumlah wang modal bagi Sharikat[2] bas Melayu ia-lah $1,861,549. Di-dalam Sharikat berkongsi pula modal Melayu ia-lah sa-banyak $1,323,142.

Semenjak dasar Kerajaan menggalakkan orang[2] Melayu dalam perusahaan Pengangkutan ini di-jalankan, banyak Kompeni[2] bukan Melayu apabila memperluaskan perniagaan mereka telah mengambil modal orang Melayu dan saya perchaya mereka akan terus berbuat demikian. Saya berseru kapada orang[2] Melayu supaya mengambil peluang yang baik di-dalam perusahaan pengangkutan. Sharikat[2] Melayu juga hendak-lah chuba berchantum supaya menjadi Sharikat[2] yang lebeh besar dan yang tegap pendirian-nya dan lebeh ekonomik pada menjalankan perusahaan.

Satu perkara yang maseh di-jaga[2] *ia-lah apa yang saya katakan menjual* nama (name lending). Dalam tahun lalu, 11 lesen kereta sewa yang telah di-keluarkan kapada orang[2] Melayu sudah di-batalkan berthabit dengan kesalahan ini; banyak lagi sedang di-siasat. Sa-kali lagi saya menyeru kapada orang ramai dan Ahli[2] Yang Berhormat Dewan ini supaya bekerjasama dengan Kementerian saya dengan chara memberi ma'lumat. Saya uchapkan terima kaseh kapada mereka[2] yang telah memberi kerjasama mereka pada masa yang telah lalu.

Saya perchaya dengan ada-nya kerjasama yang lebeh rapat lagi perkara ini dapat di-hapuskan.

Dato' Pengerusi, saya chadangkan Kepala 54 hingga 59 berjumlah $6,606,801 jadi sa-bahagian daripada jadual.

Enche' Tan Phock Kin: I am dealing with the Minister of Transport, Sir, because, indirectly, the Railways come under the jurisdiction of the Minister of Transport, and as such the Minister has control over the Railways. If the Railways should act contrary to desired practice, it is the duty of the Minister to pull them up.

Dato' Sardon: On a point of order, Sir.

Enche' Tan Phock Kin: May I know under what order, Sir?

Dato' Sardon: Standing Order 36 (1) irrelevancy. We are now talking on the votes in the Estimates and the Railway votes are not in the Estimates here.

Mr. Chairman: *(To Enche' Tan Phock Kin):* Will you confine your speech to the policy of the service for which the amount is provided in the Estimates?

Enche' Tan Phock Kin: Sir. I am talking on the Ministry of Transport and I maintain that it is the duty of the Minister of Transport to see to it that.....

Mr. Chairman: One minute! You have not moved any amendment to reduce the salary of the Minister of Transport by $10 or by $1, therefore you cannot have a debate on the general principles of the policy of the Department or the administration. If you read carefully Standing Order 66 (2), it says: "The debate shall be confined to the general principles of Government policy and administration"—that is the three days which we had allotted. In the case of Standing Order 66 (11), it says: "The debate shall be confined to the policy of the service for which the money is to be provided". Now, what we have here is the salary of the Minister of Transport, which is $3,000 a month, and therefore you cannot debate on the whole administration, because we have already debated it, unless you have an amendment—like the other day we had an amendment from the People's Progressive Party, in which the debate became very wide and in which I could not stop people from debating.

I think this is the best time to suspend the meeting. (*Laughter*).

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr. Speaker *in the Chair*).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Debate resumed on question:

That the sum of $6,606,801 for Heads 54 to 59 stand part of the Schedule.

Enche' Tan Phock Kin: Mr. Chairman, Sir, when the House adjourned, I was discussing the item in respect of the Minister's salary. I have spoken of two instances—one in connection with the Malayan Railway and the other in connection with the Penang Port Commission—which I felt to be irregular in regard to the making of appointments. The Honourable Minister being in charge of these two bodies must be in a position to know the reasons why appointments were made in such an irregular fashion. So, I would like him in the course of his reply to clarify the position and to justify the method which was adopted in making these appointments.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menguchapkan berbanyak[2] terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri kerana banyak perubahan[2] yang telah di-lakukan dan bagitu juga akan di-lakukan pada tahun 1962 ini. Berchakap pada muka 243 kepala 54 berkenaan dengan Sub-head 5 dan muka 253 juga berkenaan dengan Road Transport. Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah menarek pehatian kapada Menteri Yang Berkenaan berkenaan dengan road safety atau pun keselamatan jalan raya. Sunggoh pun dalam Dewan ini banyak di-antara Ahli Yang Berhormat telah membuat tegoran berkenaan kese-

lamatan jalan raya dan bagitu juga chara[2] yang akan dapat membasmikan atau mengkurangkan merbahaya daripada jalan raya. Tuan Yang di-Pertua, Wakil Bachok telah mengeshorkan dalam Dewan ini supaya lori[2] yang ada dalam negeri ini di-seal carburettor-nya, tetapi saya ada satu pendapat yang baharu, dan chara yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dapat juga mereka menipu membuka seal[2] itu. Ada satu chara yang baharu ia-itu saya menchadangkan kapada Menteri Yang Berkenaan mana[2] lori yang melanggar undang[2] keselamatan jalan raya di-hukom supaya menukarkan tayar-nya itu kapada tayar mati (*Ketawa*). Jadi, dengan tayar mati itu lori[2] itu tidak boleh lari kuat, kalau tidak, tentu pemandu[2]-nya, dapat juga ia menipu kita. Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan lori berjalan dengan deras, itu tidak ganjil. Saya mendapat tahu daripada orang[2] yang menjual ikan dari negeri Perlis ka-Singapura hanya sa-lama 18 jam sahaja. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah kita memikirkan bagaimana deras-nya lori[2] itu apa lagi pada waktu malam hari mereka menggunakan lampu sampai 4. Bagi diri saya yang perjalanan 350 batu daripada Perlis/Kuala Lumpur sa-olah[2] tidak ada jaminan. Tiap[2] kali saya turun daripada rumah saya membacha Qulhu wallah berapa kali (*Ketawa*). Kerana perjalanan bagitu jauh, 350 batu tentu-lah saya memikirkan keselamatan bagi diri saya. Lebeh[2] lagi berjalan waktu malam. kadang[2] penjaga atau pengikut lori itu sudah tertidor, kita bunyikan hon hendak memotong-nya dia angkat kaki sahaja, dia buat signal kaki (*Ketawa*). Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara itu patut-lah di-ambil satu tindakan yang keras. Lori[2] di-Bukit Mertajam, Utara Perlis, Utara Kedah bukan-nya sahaja lori itu membawa besi bahkan lebeh merbahaya lagi lori[2] membawa batang pinang, batang nibong sa-panjang 50 atau 60 kaki panjang-nya melerit[2] di-jalan raya dengan tidak ada satu pun tanda. Kadang[2] bila dia hendak potong, tidak ada apa tanda, chuma dia melaong lori ekor! ekor! ekor! ini supaya basikal itu dapat tahu ada trailer di-belakang lori. Oleh kerana itu saya memberikan shor kapada Menteri Yang Berkenaan supaya lori yang membawa batang pinang yang panjang itu supaya mengadakan satu lampu atau pun satu tanda hon yang berlainan bunyi-nya daripada lori[2] lain.

Berbalek saya kapada enforcement officer, saya juga dapat tahu banyak motokar[2] daripada negeri Siam masok ka-Persekutuan ini. Kadang[2] saya perhatikan driver[2] pemandu motokar itu tidak bagitu menjaga keselamatan jalan raya. Jadi, saya minta kapada motor[2] yang datang dari Siam itu supaya di-pereksa dengan baik-nya tentang lesen[2] mereka itu. Jadi, dengan chara yang demikian dapat-lah lagi memberi keselamatan bagi jalan raya. Satu perkara lagi banyak lori[2] sewa dalam Persekutuan ini telah di-pajak oleh taukeh dari Siam dan ada 3 buah lori yang saya tahu dalam Perlis, dan ada juga lori[2] yang sedang membuat pekerjaan dalam negeri Siam, kerana itu saya minta-lah kapada Menteri Yang Berhormat mengambil tindakan, tentang perkara itu supaya jangan lagi perkara ini berlaku berpanjangan.

Berbalek juga kapada muka 254 Sub-head 4 berkenaan Motor Vehicle Licences and Plates, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kita selalu dapati motokar[2] dalam Persekutuan ini menggunakan nomor[2] plate palsu. Jadi, dengan hal yang demikian telah mendatangkan beberapa kekeliruan daripada polis, oleh kerana itu saya mengeshorkan kapada Menteri Yang Berkenaan supaya dapat memikirkan bahawa plates[2] yang di-punyai oleh motokar itu di-seal mati sa-bagaimana yang di-buat oleh negeri[2] yang berkemajuan. Saya pergi baharu[2] ini melawat ka-Phillipines plates[2] motokar memang di-buat di-bentok dengan bagitu susah dan di-meterikan. Ini memberi satu kesusahan kalau hendak membuka-nya.

Berkenaan dengan Director of Marine saya suka hendak mendatangkan satu rayuan kapada Menteri Yang Berkenaan pelabohan[2] dalam negeri Perlis. Pelabohan[2] negeri Perlis baharu[2]

ini kita dapati ada satu motor boat telah terbalek dan tenggelam antara perenggan Perlis dengan Siam. Pelabohan itu boleh-lah di-katakan satu pelabohan yang sibok kerana orang yang hendak pergi melanchong ka-Pulau Langkawi turun di-Perlis juga. Pada hal Kuala Perlis itu satu kuala yang sangat sempit, sunggoh ada dua kuala, satu kuala tidak dapat di-pakai. Dan satu kuala di-gunakan sekarang ini ia-lah berlekok[2], ini kerap kali menjadi bahaya kapada motor boat dan perahu[2]. Jadi oleh yang demikian saya merayu-lah pada hari ini kapada Menteri yang berkenaan sunggoh pun tahun yang lepas saya telah membuat rayuan kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat meluaskan lagi sungai kuala Perlis itu, dengan chara yang demikian tidak akan datang bahaya kapada perahu[2] dan motor-boat. Dan bagitu juga saya minta kapada Kementerian yang berkenaan ia-itu oleh kerana banyak sangat motor-boat dalam negeri Perlis yang mengangkut sewa ka-Pulau Langkawi yang mana kerap kali motor-boat itu membawa penumpang[2] kadang[2] lebeh dari yang di-hadkan. Dengan yang demikian saya takut akan mendatangkan bahaya kapada penumpang[2] tadi dan saya minta kapada Menteri yang berkenaan supaya menjaga keadaan yang tersebut supaya terselamat orang[2] yang menjadi penumpang. Yang kedua saya minta juga supaya lesen orang yang membawa motor-boat Tunda Perahu Belat Pok yang sentiasa keluar masok dan ada satu motor-boat lagi yang membawa penumpang[2] di-antara Kuala Perlis dengan Setol. Jadi saya minta supaya di-pereksa orang yang menjadi pemandu motor-boat itu supaya jangan orang itu tidak ada mempunyai kelayakan menjalankan motor-boat yang mana satu masa nanti akan menjadi satu bahaya kapada penumpang[2].

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, saya suka Mengambil bahagian sadikit pada muka 243—Road Safety Council. Dalam soal keselamatan ini saya merasa akan memberi nasihat[2] kapada pehak Kementerian supaya menambah lagi keselamatan bagi orang[2] lalu-lintas di-jalan[2] raya. Saya nampak maseh ada lagi di-jalan[2] yang perlu di-taroh tanda[2] ia-itu sa-bagai tanda amaran mithal-nya di-tempat[2] yang selalu menjadi kemalangan saperti yang saya dapati di-Ampang Road ada di-tulis Accident Area macham gambar tengkorak. Ini supaya tiap[2] pemandu itu berhati[2] apabila lalu di-tempat itu. Saya merayu kapada pehak Kementerian ini ia-itu jalan batu tiga Jalan Tebrau Johor Bahru—jalan yang berhadapan dengan Housing Trust Majidi Baharu, di-situ selalu menjadi accident membawa kurban kapada murid[2] sekolah.

Baharu[2] ini pada minggu yang lalu saya balek ka-Johor Bahru, saya dapat tahu daripada orang[2] yang berdekatan dengan rumah saya bahawa sa-orang budak sekolah telah di-gelek oleh lori yang lari dengan laju sa-hingga penyek dan mati budak itu di-tempat itu juga. Kejadian ini bukan sa-kali sahaja tetapi hampir tiap[2] tahun banyak membawa kurban kapada murid[2] sekolah, dan mengikut keterangan orang[2] kampong itu juga sa-sudah terjadi kemalangan itu besok-nya terjadi pula berlanggar motor-car di-tempat itu. Saya harap oleh kerana jalan itu jalan lurus ka-Kota Tinggi dan belok ka-Housing Trust ada tiga chabang, jadi kalau boleh jalan yang datang ka-Housing trust itu di-taroh tanda: Stop—Look—Go supaya mereka yang keluar dari jalan itu berhenti dahulu dan melihat motor-car kiri kanan kerana motor-car yang datang dari Jalan Tebrau pergi ka-Kota Tinggi atau dari Kota Tinggi pergi ka-Johor Bahru sentiasa lalu dengan laju. Dalam kawasan itu harus di-taroh sa-bagai tanda amaran mengatakan harus-lah pemandu[2] kereta berjalan dengan chermat supaya menghendar perlanggaran. Sa-lain daripada itu saya minta juga di-jalan batu empat Cheras Road, Kuala Lumpur. Jalan itu juga satu accident area. Tanda[2] ini ada di-beri amaran ia-itu jarak-nya barangkali satu batu, tetapi jalan membelok itu—sa-belah jurang itu tidak di-pagar. Tempat ini selalu sahaja kereta[2] jatoh masok ka-dalam jurang.

Saya sendiri baharu[2] ini, hari Ithnin, 5 haribulan waktu saya balek dari Johor Bahru dan tiba di-situ kami sengaja berjalan lambat. Kebetulan pada masa itu ada satu kereta yang baharu sahaja di-tarek dengan van yang jatoh di-tempat itu, kerana melihatkan itu saya pun menjalankan kereta dengan slow, tetapi apabila saya tekan minyak ta' tahu terlompat kereta saya masok ka-jurang 30 kaki. Dengan kudrat yang maha kuasa kami berdua suami isteri tidak mendapat apa[2], chuma mendapat kerosakan kereta sahaja. Besok-nya ada lagi kereta jatoh situ. Menurut keterangan Polis Cheras Road bukan berpuloh kereta jatoh di-situ tetapi beratus. Jadi sa-kira-nya pehak Kementerian mendapat ma-'alumat yang lebeh tepat berurus-lah dengan Polis Station Cheras Road, batu empat dan saya merayu juga kapada pehak Kementerian untok menjaga keselamatan orang yang lalu-lintas supaya di-beri pagar yang agak tinggi ia-itu yang dekat dengan jurang itu sa-bagaimana yang di-buat di-jalan Mantin-Seremban. Ini ada-lah untok keselamatan orang ramai.

Sekarang saya pergi kapada pehak pembahagi lesen teksi. Tadi saya mendengar daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pada tahun yang lalu ada 11 lesen yang di-tarek daripada orang[2] Melayu yang tidak memenohi sharat[2] yang di-kehendaki oleh Kerajaan ia-itu di-katakan sa-bagai Melayu jual Melayu. Di-sini saya suka mendapat tahu ada dari orang[2] yang bukan Melayu yang mendapat lesen teksi itu, tetapi tidak-lah orang itu sendiri yang menjalankan teksi tetapi orang lain, orang Melayu mithal-nya. Maka bagi pehak orang Melayu yang menjalankan lesen pehak orang asing itu ia-itu dengan chara menyewa motor-car yang sudah ada lesen teksi itu dengan membayar 20 ringgit satu hari. Menurut keterangan daripada penyewa itu orang yang membawa teksi ini sudah bertahun[2] melakukan sa-chara menyewa yang dia membawa teksi itu tetapi mereka sudah membuat rayuan supaya mendapat sendiri lesen teksi, dan kerana ia sudah ada pengalaman membawa teksi dan ada menyimpan wang boleh membawa kereta sendiri kalau dapat lesen boleh menjalankan lesen itu sendiri—tidak akan memberi kapada orang lain.

Alang-kah baik kalau sa-kira-nya pehak Menteri Yang Berhormat mengutamakan kapada orang[2] Melayu yang hauskan lesen ini yang betul[2] dan sunggoh[2] telah bertahun[2] menjadi penyewa lesen teksi daripada taukeh[2] sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu-Jempol tadi. Mithal-nya, sekarang ada 11 lesen yang baharu di-tarek daripada orang Melayu itu hendak-lah di-beri keutamaan kapada orang[2] Melayu yang membawa teksi sewa itu yang sanggup mengadakan motokar dan membawa sendiri lesen yang akan di-berikan kapada mereka itu. Saya harap lesen yang 11 ini kalau belum di-beri lagi, beri-lah kapada mereka[2] yang memerlukan-nya, dan kalau pehak Yang Berhormat Menteri mahukan nama[2]-nya saya bersedia bekerjasama dalam soal ini.

Enche' Chin See Yin (Seremban Timor): Mr. Chairman, Sir, I wish to refer to page 243, Item (1) Minister of Transport. In this connection, I wish to refer to another chapter in the story of Ali Baba. In this chapter it refers to the call made by the Honourable Minister to bus operators to sell 10 per cent of their shares for Malay participation. If it is the policy of the Government, then these shares will no doubt be made available in the open market. What I am trying to point out, Sir, is that it is expected that these shares will be sold at par. There is now fear in the minds of these operators that they have to sell these shares at par—it would be difficult for them to do so—and rumours are now circulating that the Honourable Minister of Transport would cancel the licences of those bus operators if they fail to do so. I am sure it is not the intention of the Honourable Minister to use arbitrary powers, but nevertheless it is for him to tell us how far these rumours, which are now circulating, are true. Now, these rumours

circulating in this country will do no good to anybody, because they will not only upset the bus operators but will also certainly upset others, who are in other industries. Therefore, Sir, I feel that it is important that the Minister should tell us what is actually the policy of the Government regarding his call to sell 10 per cent of the shares to help Malay participation in this industry. It is important that we be told this, because people in the other industries are waiting to hear what are the actual views of the Government. If the rumours are correct, then it would be tantamount to nationalisation.

I would also refer the Honourable Minister to taxi licences. Most of these bus companies have been given licences to operate taxis and, as a matter of fact, if the Honourable Minister will investigate, he will find that most of these companies are letting out these taxis to taxi drivers, who have to pay them a considerable sum each day, and they are enjoying the profits at the expense of these taxi drivers. I suggest that it is only fair that these licences should be cancelled and taxi licences should be issued to those drivers who are actually operating these taxis. An investigation will perhaps reveal the actual situation now existing in this country. I know quite a number of drivers who are operating these taxis—they are renting these taxis from bus companies. They are paying as much as $20 per day for the use of these taxis, and in order to get $20 a day they have to make several trips between Seremban and Kuala Lumpur; in fact they must make three trips a day in order to make sufficient money to pay for their own labour as well as for the hire of these taxis. Therefore, Sir, a case has been really made out and I see no reason why these bus companies should now be permitted to carry on with these taxi licences, to use them to make a profit from these poor taxi drivers, who have often made applications to the Road Transport Department to get licences but more often than not their applications have been refused. For that reason, I think it will be in the interests of the people in this country, particularly those who are working to earn a living from hand to mouth, that the Minister should look into this matter and give the taxi drivers the necessary licences. If he thinks there are too many taxis in the country, he should cancel the licences which are now given to the bus operators.

I hope, Sir, that the Honourable Minister will clarify these two points: first, the rumours about the cancellation of licences given to bus operators if they do not sell 10 per cent of their shares to help to bring about Malay participation in this industry; and secondly, whether a new policy will be formulated so that taxi licences will be issued to those who are really in need of them.

Puan Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Road Safety Council. Saya bersetuju dengan shor Yang Berhormat dari Penang Utara supaya budak[2] sekolah di-ajar bagaimana menggunakan jalan raya supaya selamat. Tetapi telah lama saya merasa muskil tentang jalan raya, terutama di-Kuala Lumpur ini. Jalan ka-Petaling Jaya dan Birch Road serta Ampang Road lembu banyak betul mengachau. Bagaimana hendak mengajar lembu[2] itu (*Ketawa*).

Dato' Sardon bin Haji Jubir: *Halau!*

Puan Hajjah Zain: Apabila kita tegor orang India yang menghalau lembu itu, ia mengatakan lembu itu bukan ia punya, Chief Police punya. Kita mesti berhenti, kalau tidak susah di-buat oleh lembu[2] itu. Kadang[2] motokar berator kerana hendak menyelamatkan lembu[2] itu, tetapi orang yang menjaga lembu itu geli hati dan ketawa sahaja. Jadi siapa yang hendak di-ajar, lembu atau penjaga lembu itu? Tolong-lah atasi kesulitan ini.

Sa-perkara lagi tentang Maxwell Road sampai ka-Princes Road. Jalan[2] ini banyak selekoh dan bengkang-bengkok. Motokar[2] lari laju dan kita

mengekor perlahan[2]. Sa-malam saya tengok motokar kemek[2], Tuan Yang di-Pertua, bergasak dekat situ. Di-minta-lah kapada Kementerian yang berkenaan tolong perhatikan sadikit kapada orang yang lari kuat dalam selekoh yang bagitu rupa.

Sa-lain daripada itu jalan dekat Bukit Nanas. Budak[2] sekolah yang keluar dari Sekolah Convent telah beberapa kali terserempak dengan motokar sunggoh pun ada pulis di-situ. Oleh itu, patut di-adakan tanda tempat orang berjalan di-situ. Satu lagi dekat pangkal Maxwell Road. Kalau kita balek dari sini, budak[2] sekolah chukup sebok di-situ. Tolong-lah buat tanda tempat orang berjalan di-situ.

Ada satu perkara yang memelekkan saya ia-itu ibu kota kita yang besar ini lembu bermaharajalela, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya tahu di-India lembu memang bermaharajalela di-dalam rumah dan dalam kedai, tetapi mengapa dalam bandar Kuala Lumpur ini lembu bermaharajalela? Saya harap Menteri mengambil perhatian di-atas perkara ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian sadikit dalam Kementerian ini ia-itu di-bawah Kepala 59—Ministry of Transport. Saya chuma akan mengambil bahagian sadikit sahaja di-atas satu dua perkara yang saya pandang mustahak untok menarek pandangan Kementerian yang tersebut. Perkara yang pertama ia-lah tentang memberi haulage permit kapada orang Melayu yang hendak membawa barang[2] daripada satu tempat ka-satu tempat. Kita selalu-lah di-dalam rumah yang mulia ini mendengar kenyataan[2] dan perchakapan[2] yang menaikan semangat kita ia-itu bahawasa-nya Menteri yang tersebut akan menolong orang[2] Melayu dalam kalangan transport dan lain[2] lagi yang bersangkutan dengan Kementerian-nya. Maka saya suka-lah hendak menarek perhatian di-atas haulage permit.

Perkara ini saya yakin dan perchaya bahawasa-nya Menteri yang tersebut maseh ingat lagi ia-itu apabila di-keluarkan kenyataan-nya bahawa beliau hendak menggalakkan orang[2] Melayu mengambil bahagian di-dalam perkara transport maka banyak-lah orang[2] Melayu yang mempunyai lori[2] di-pantai timor sana telah membuat surat[2] permohonan supaya mereka itu dapat mengambil bahagian, yang penting di-dalam perkara ini dan supaya permit yang mereka itu pegang di-naikkan ka-dalam kelas "A". Dan apabila surat[2] permohonan itu di-buat mereka itu telah mendapat sokongan[2] daripada saudagar[2] di-Kelantan, di-Trengganu dan di-Kuantan ya'ani surat[2] akuan daripada saudagar[2] orang China, orang India dan orang Melayu yang menyokong di-atas surat[2] permohonan itu. Dan surat[2] kenyataan daripada saudagar[2] itu ada-lah di-tanda tangani oleh Manager Kompeni[2] tersebut. Sa-telah surat[2] ini di-sampaikan, maka satu interview telah di-adakan di-Pejabat Transport Kuala Lumpur yang mengatakan bahawasa-nya terpaksa-lah pula saudagar[2] yang menyokong itu mesti hadzir di-dalam interview itu. Ini satu sharat yang paling susah kerana saudagar[2] ini beratus[2] batu dudok-nya di-Kelantan, Trengganu dan di-Kuantan dan sangat-lah susah bagi mereka itu untok menghadziri sendiri di-dalam interview ini. Maka oleh sebab saudagar[2] itu tidak dapat hadzir maka di-tolak-lah permintaan itu dan di-katakan mesti-lah saudagar[2] yang menyokong itu hadzir di-dalam interview yang tersebut.

Satu lagi saya pandang ada-lah Jawatan-Kuasa yang menolak atau menerima surat[2] permohonan itu ada-lah terkandong daripada beberapa orang tetapi kebanyakan-nya daripada mereka itu bukan-lah dari orang Melayu. Oleh yang demikian saya berharap kapada Kementerian yang tersebut longgarkan sharat yang ketat itu dan memadai-lah di-adakan surat akuan daripada Manager Kompeni[2] tersebut tadi dan di-berikan-lah permit kapada pemohon[2] yang ada sokongan-nya daripada saudagar[2] saperti mana yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua, saya ada dengar bahawasa-nya pegawai[2] orang Melayu di-dalam Pejabat transport lebeh[2] lagi Pejabat[2] di-dalam negeri[2] ada mendapat tekanan daripada ketua[2] Pejabat yang tinggi yang terkandong daripada gulongan orang lain. Tekanan ini di-jalankan dengan chukup terator hingga terpaksa pagawai[2] orang Melayu itu meminta berhenti daripada kerja-nya. Saya suka-lah hendak menyebutkan satu case sa-orang Melayu yang telah menjadi Enforcement Officer tetapi ta' berapa lama ia bekerja di-dalam satu pejabat ia terpaksa meminta di-tukarkan balek kapada kerja-nya yang dahulu yang mempunyai gaji yang kechil. Apabila saya dapat ketahui perkara-nya kerana sahabat[2]-nya ada mencheritakan kapada saya sebab pegawai tersebut tadi terpaksa meminta di-tukarkan kapada jawatan-nya yang dahulu. Kata-nya, "ada di-sebabkan oleh tekanan[2]". Mereka itu terpaksa bekerja dari pukul 8½ pagi hingga pukul 8.00 malam. Saya sabagai sa-orang pendudok dalam bandar Kota Bharu selalu-lah saya berjalan[2] pada waktu malam tetapi apabila saya melalui di-hadapan pejabat tersebut saya melihat pelita terang dan ada pegawai sedang bekerja di-dalam-nya. Oleh sebab yang demikian saya berharap kapada Kementerian yang tersebut supaya membuat penyelidekan di-atas perkara ini, mudah[2]an anti-Malay atau pun orang[2] yang hendak menekan orang[2] Melayu dalam pejabat transport dapat di-hapuskan.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr. Chairman, Sir, I wish to speak on Head 59, Items (1), (2), (6) and (7)—Road Transport. Sir, regarding driving licences, we all know that in many of the offices where people get their driving licences, usually, there is quite a big congestion. People have to wait for hours before they can get their licences: Because of this, sometimes the applicants have to make use of the petition writers in order to get their licences quickly; and maybe because the clerks are overworked, they are not very courteous. Therefore, I think the Minister should consider adopting a method which can ease this long wait to get licences, and I would like to suggest that one way to ease this sort of congestion is for offices to be supplied with temporary receipts, numbered receipts, which can be given to applicants and the duplicates of the receipts attached to the application forms. By doing so the applicants can immediately go away and come back the next day; and if they do not want to come back, the new licences can be sent to them to their addresses. However, sometimes I think that because they have to pay $5.00 to get their licences, the applicants may be afraid that their $5.00 may be at large, and so they would like to go to the offices to have a look at the $5.00 and application forms for hours, in order to make sure that they will get their licences. But if they can submit their application forms together with their $5.00 to the offices and be given temporary receipts immediately, I think many of them will not have to wait long hours to get their licences.

Dato' Sardon bin Hj. Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak[2] terima kaseh kapada 13 orang ahli[2] Yang Berhormat yang telah berchakap memberi segala pandangan, terutama sa-kali uchapan[2] daripada pehak[2] yang telah memberi uchapan terima kaseh kapada Kementerian saya, tetapi terima kaseh itu saya pulangkan kapada pegawai[2] Kementerian saya. Wakil Kota Bharu Hilir tadi berkata fasal kakitangan itu bekerja sampai pukul 7.00 petang, saya ingat sampai pukul 12.00 pun ada, pada waktu hendak menghabiskan kerja[2]-nya itu. Ini menunjokkan pegawai[2] kami gaji yang di-beri itu memang tidak menchukupi kerana tidak ada elaun, macham itu pun tidak puas hati mana lagi hendak memuaskan hati pehak ra'ayat yang hendak menolong mereka itu.

Yang Berhormat dari Bachok, berkenaan dengan laju-nya lori itu, fasal governor control carbarettor bagitu bagini, saya rojok'an perkara itu kapada Technical Advisor saya. Shor itu kalau boleh di-buat pun belanja

dan harga-nya, hendak menjaga-nya, dan hendak menjalankan-nya ada-lah lebeh susah, kerana boleh di-buka bila[2] waktu dan boleh juga lori itu lari laju. Saya hendak chadangkan pakai lesen tangan sa-bagaimana di-kenakan kapada driver[2] bas dan driver taxi[2] itu, itu kena bayar lain, jadi kapada driver[2] lori itu pakai sa-macham ini boleh senang menyekat lari laju. Kita hendak memberi faham kalau mereka lari laju ada keterangan yang chukup kita tahan sahaja lesen tangan itu, jadi tidak-lah boleh mereka membawa lori lagi sa-chara macham ini barangkali ada-lah lebeh manufat'at dan lebeh sa-suai tentang melaksanakan-nya. Tetapi saya terpaksa-lah merojok'kan balek kapada pehak Legal Department kerana menyelideki hendak meminda Undang[2] Traffic Ordinance. Sabar-lah saya akan bentangkan, saya harap mereka yang mendesak saya hendak menyekat laju lori itu sokong-lah dengan kuat-nya nanti.

Berkenaan dengan lari kuat itu bukan Enforcement Officer yang punya kerja, itu pehak Polis hendak-lah bekerjasama dengan pehak Transport alat radar kerana menguji lagi kereta belum lagi dapat di-siapkan. Berkenaan dengan lebeh muatan itu saya perchaya telah menerima rayuan, berkajang[2]. Sa-tengah[2] negeri Polis[2] membuat kerja sama, itu saya uchapkan terima kaseh-lah macham negeri Johor tengok sahaja bawa lebeh sadikit, di-bawa lori itu dan di-timbang, kalau lebeh muatan-nya kena-lah membayar dua tiga ratus ringgit, denda-nya ada di-bicharakan. Kalau negeri pantai timor tidak ada macham itu beri keterangan nombor[2] lori itu jadi Kementerian saya boleh-lah memanggil driver itu supaya di-nasihatkan kalau tidak ikut kita jalankan kuat kuasa undang[2].

Berkenaan dengan uchapan saya, orang[2] Melayu itu memang di-beri peluang, Kerajaan kita hendak suroh ambil peluang besar dalam pengangkutan, dan berkenaan dengan 10 persen bukan saya suroh, bukan saya minta, tidak, pehak perniagaan Sharikat[2] Bas dan lori yang bukan Melayu itu berfikir memikirkan patut di-buka kapada orang[2] Melayu 10 persen, itu kehendak mereka sendiri, kalau bagus perniagaan-nya atau hendak menambahkan bas-nya, ia terpaksa-lah mengikut dasar-nya menerima modal[2] Melayu juga. Jadi lebeh baik mereka membuat tawaran siang[2] apabila meminta tambahan lori-nya tidak-lah menunggu tiga empat bulan lagi, kerana hendak mengesahkan sama ada betul atau tidak ada modal Melayu mungkin jual nama sahaja. Itu-lah sebab-nya saya katakan kalau mereka itu buka siang[2] modal[2] kapada orang Melayu. Jalan baharu yang mana Melayu dan lain bangsa berkongsi boleh lekas menjalankan bas-nya. Yang kedua, pehak[2] atau anasir[2] yang selalu menghasut orang[2] kita. Kerajaan engkau memberi kemajuan, tetapi taukeh[2] yang kaya, engkau apa dapat. Jadi hasutan ini boleh membahayakan pada orang[2] Melayu yang hendak masok perniagaan pengangkutan itu, ini menjadi ribut yang boleh di-tarek dengan anasir[2] yang pada satu waktu nanti menjatohkan Kerajaan kita, tujuan-nya hendak menyusahkan kita. Itu-lah tujuan saya dan saya tidak akan memaksa mana sharikat[2] bas ini berhubong pada pehak Yang Berhormat Seremban Timor, memaksa kapada sharikat[2] bas membuka 10 persen, kalau tidak bagi saya cancel. Saya tidak ada kuasa untok cancel lesen, yang ada kuasa itu ia-lah licence-nya Majlis Pelesen Pusat untok bas ka-dua atau tiga buah negeri, itu pun kalau chukup keterangan kesalahan[2]-nya. Keterangan Yang Berhormat dari Seremban Timor ada-lah cherita[2] atau daayah[2] daripada musoh yang mahu membusokkan nama baik Kerajaan Perikatan. Berkenaan dengan wakil dari Damansara dia tidak di-sini masa ini.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Berkenaan dengan hendak buat macham orang Indonesia.....

Dato' Sardon bin Haji Jubir: Di-Indonesia sana ada undang[2] macham orang China di-luar bandar yang berniaga sekarang ini tidak di-benarkan dan orang Indonesia sahaja yang

berniaga. Tetapi kita tidak mahu buat undang[2] macham itu di-sini, tetapi di-minta sahabat[2] kita orang lain bangsa menimbang. Itu-lah tujuan saya bukan saya hendak buat macham orang Indonesia, kita bukan demo-krasi terpimpin, kita demokrasi penoh (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat dari Daman-sara, dia tidak ada di-sini, saya minta-lah dia bersabar, saya telah keluar negeri tiga minggu jadi benda itu akan di-siarkan dan akan di-beri jawapan sama ada kereta api itu dapat berhenti di-tempat yang dia tanya itu atau tidak, kerana kalau tidak banyak orang berhenti membuang waktu sahaja dan merugikan. Berkenaan dengan wakil Johor Bahru Barat tentang pemborong International Air-port sabar-lah dahulu. Perkara itu belum putus lagi. Tunggu-lah pehak yang berkenaan itu akan mengirim surat. Wakil dari Damansara tadi ber-tanya berkenaan dengan rayuan taxi, saya telah terangkan kapada Yang Berhormat minta-lah Pegawai Daerah bahagian di-sana supaya di-adakan meshuarat di-daerah itu kira-nya di-tempat itu ada 2,500 orang maka patut-lah di-adakan sa-buah taxi di-tempat itu. Tentang saya hendak membenarkan perkara itu tidak usah-lah Ahli Yang Berhormat itu berchakap sa-tahun sa-kali di-sini, tetapi berhubong-lah kapada pehak yang berkenaan di-sana kerana sudah di-khaskan kerja masing[2]. Walau macham mana pun saya akan ber-hubong dengan Pegawai Daerah yang menjadi pengerusi itu.

Berkenaan dengan Ahli Yang Ber-hormat dari Bagan, tentang lori[2] yang membawa batu besi yang jalan laju itu saya telah panggil semua manager[2]-nya, saya telah beri ingatan dan amaran yang keras kalau boleh batu besi itu naik keretapi lebeh murah dan lebeh aman maka boleh-lah manager keretapi akan berunding dengan manager[2] itu apabila membawa dengan jalan keretapi tidak menyu-sahkan sa-siapa.

Akan tetapi mereka telah memberi pengakuan akan menimbangkan walau pun saya minta kerjasama tuan punya lori[2] dan tuan[2] punya lumbong pun akan bekerjasama. Kalau ada perkara[2] macham ini lagi tolong-lah berhubong terus dengan saya jangan nanti dalam persidangan Rumah ini (*Ketawa*). Berkenaan dengan Ahli Yang Ber-hormat dari Jelebu-Jempol saya uchapkan terima kaseh, saya terima dengan baik-nya tegor[2]an itu tetapi saya minta-lah kerjasama apa juga yang di-kehendaki. Saya akan dapat bekerjasama sama ada menghapuskan Ali Baba, bagi membaiki perjalanan sharikat Kuala Pilah itu. Yang sa-benar-nya sudah pun saya panggil manager-nya dan sudah pun di-urus-kan pada pehak RIDA, tetapi belum lagi putus. Saya akan minta keteran-gan yang penoh atas perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara berkenaan dengan Road Safety Council—Majlis Keselamatan Jalan Raya. Tiap[2] sa-buah negeri saya telah berhubong kapada Setia-Usaha Negeri-nya supaya di-tubohkan. Kita uchapkan tahniah ia-itu di-Pulau Pinang ada-lah bagus sudah di-tubohkan dan berjalan baik, dan apa yang di-buat di-Pulau Pinang kami telah jadikan chontoh kapada semua negeri termasok juga di-pantai timur Kelantan dan Trengganu sudah di-persetujukan. Tinggal lagi perkara ini hanya me-nunggu susunan Perlembagaan dan insha' Allah kerjasama dari pehak Ahli[2] Yang Berhormat sekalian dapat kita jalankan dari satu masa ka-satu masa dengan lebeh baik keadaan keselamatan-nya.

Berkenaan dengan pehak Kemen-terian Pelajaran, memang-lah kita ada wakil-nya di-dalam Majlis Keselamat-an Lalu Lintas—Safety Council Board yang saya sendiri menjadi pengerusi-nya dan tentang perkara tersebut saya telah berunding dengan pehak Kemen-terian yang berkenaan. Berkenaan dengan tanda keselamatan tongkang[2]—safety mark, saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada Ahli Yang Ber-hormat wakil Pulau Pinang yang bersharah bukan main panjang lagi, saya banyak belajar dengan sharahan[2]-nya tetapi saya telah perentahkan

Director of Marine supaya berjumpa kapada semua yang berkenaan menerangkan yang kami tidak menyusahkan orang, kami hendak menolong mereka itu, kerana mengikut international law yang mana kita juga menanda tangani sa-kira-nya ada sa-suatu kemalangan, umpama-nya tongkang yang membawa barang^2 itu tenggelam. Nanti tentu ada insurance company apabila bichara di-Mahkamah, dan di-sana nanti akan di-tanya ada-kah tongkang itu ada safety mark atau tidak. Kalau tidak, itu ada-lah salah pada Kerajaan. Jadi mahu ta' mahu menjaga keselamatan dari semua segi, kita terpaksa-lah mengadakan safety mark untok tongkang^2 dan Kerajaan akan dapat membaiki keadaan-nya bagi mengator peratoran ini. Dan perkara ini sama juga telah di-bangkitkan oleh wakil Tanjong yang menkatakan tadi ia-itu perahu, tongkang dari Singapura, Melaka juga mengambil penumpang^2 sa-macham ini. Saya fikir Director of Marine tentu tahu dan faham. Saya selalu memberi nasihat kapada orang^2 yang berniaga berkenaan dengan mengangkut barang^2 di-pelabohan Pulau Pinang mesti-lah di-utamakan. Kalau ada safety mark bagi pehak kapal atau perahu di-Pulau Pinang atau barang siapa juga yang hendak berniaga di-sana mesti-lah ada safety mark, kalau ta' ada Director of Marine ada kuasa mengadakan undang^2 saperti ini. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat wakil dari Tanjong hendak buat cherita, saya fikir ta' payah di-cheritakan lagi tetapi tolong beri chadangan itu kapada Director of Marine di-Penang ia akan dapat menimbangkan chadangan yang baik itu dan atas chadangan itu saya uchapkan terima kaseh.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini tiap^2 kali berchakap pendek-nya berkenaan dasar transport parti Socialist Front. Saya ta' boleh terima kerana saya parti Perikatan dan kalau ia hendak nationalise berkenaan dengan transport itu, saya ta' boleh buat. Walau bagaimana kuat dia berchakap, macham mana lemak sa-kali pun, saya ta' boleh terima. Jadi itu piring peti nyanyi lama juga—pusing^2 itu juga, tetapi saya suka terangkan ia-itu Kerajaan Perikatan ada dasar transport yang terbentang dalam Kertas 17 dan Ahli Yang Berhormat itu sendiri pun sudah membacha beberapa kali. Satu daripada dasar-nya ia-lah mengutamakan orang^2 Melayu mengambil bahagian pengangkutan yang di-jalankan oleh Kementerian Pengangkutan. Ini satu dasar yang telah di-setujui oleh semua bangsa sa-belum kita merdeka dahulu, tetapi saya menunggu juga sa-sudah Pesurohjaya Keretapi memberi recommendation ia-itu apabila Kerajaan telah menerima, saya akan membentangkan lagi satu Kertas Puteh sa-bagaimana yang saya janji mengenai segi perhubongan dengan udara, keretapi, kapal laut, lori bahkan akan menjadi dasar yang lengkap—tunggu-lah nanti!

Saya menapikan dengan sa-keras^2-nya yang mengatakan saya menggunakan kuat-kuasa konon-nya terhadap City Council George Town tiada membenarkan bas-nya berjalan di-seluroh bandar raya. Sejak dari dahulu sampai sekarang pun ta' tukar policy-nya ia-itu satu jalan City Council hendak menjalankan bas-nya kena-lah memohon kebenaran, tetapi bukan-lah berma'ana dalam lengkongan City Council itu bas-nya boleh berjalan suka^2 hati—tidak, ta' ada hak sa-macham itu. Ia mesti memohon juga sa-bagaimana sharikat^2 bas yang lain, kerana itu ada-lah urusan pengangkutan dan saya ada menimbang dan memikirkan transport operators yang besar di-Pulau Pinang barangkali boleh di-timbang supaya di-satukan dan di-fikirkan supaya berbaik^2 antara City Council dengan sharikat^2 bas yang lain itu. Tetapi saya belum lagi dapat putuskan perkara itu—sabar-lah dahulu Ahli wakil Tanjong itu nanti saya akan pergi ka-Pulau Pinang, kita boleh bertukar^2 fikiran nanti.

Saya uchapkan berbanyak terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan tentang membawa kereta 350 batu takut terlanggar pula, signal dengan kaki. Saya minta ma'af-

lah, kalau dapat-lah nombor lori itu baharu sedap saya siasat dan kenselkan kebenaran attendant itu kira-nya betul ada keterangan kerana attendant itu ada juga atoran[2]-nya. Jadi kalau ta' ada dapat nombor itu ta' dapat saya buat apa. Tolong-lah beritahu pada masa akan datang kelakuan[2] attendant lori[2], driver yang ta' sa-suai dan kurang chermat tolong ambil nombor, waktu, di-mana dan terus hantarkan ka-Kementerian saya, saya akan ambil tindakan dengan sa-berapa segera. Saya minta ma'af kerana tadi ada ekor[2] pula, saya takut di-Kedah, Perlis apabila ekor pula nanti kena tikam ekor. Jadi orang yang membawa benda yang panjang itu ada hetongan, mesti ada taroh kain merah, kalau ta' ada salah—kalau ta' ada report, ta' ada siasat kita ta' boleh buat apa[2]. Tolong beri nombor lori, waktu-nya, dan di-mana ada-nya perkara yang sa-macham itu.

Berkenaan dengan Ahli Baba tentang lori ini pun Ahli Yang Berhormat pun tahu juga, beri lekas nombor-nya itu saya boleh perentah menyiasat kerana siasatan itu akan di-adakan terus supaya tidak akan di-aniaya oleh orang yang merepot dengan tidak tentu arah. Berkenaan dengan plate falsu yang di-paku atau di-seal, saya fikir macham mana pun ia hendak helah boleh juga, tetapi saya akan pereksa perkara plate ini. Ini satu perkara chadangan yang baharu dan saya uchapkan terima kaseh.

Berkenaan dengan motor-boat yang tenggelam baharu[2] ini, saya bacha dalam surat khabar bukan fasal tohor ia berlanggar dengan perahu dekat dengan sungai itu—tidak. Serta-merta ribut besar telah turun. Kementerian saya ada berkenaan dengan radar ini, ia memberitahu kalau hendak datang ribut tetapi kalau motor-boat itu ta' ada transmitter ia ta' boleh terima perkhabaran itu. Jadi itu di-harap kapada pehak polis, marine, kastam yang dapat tahu memberitahu boat atau pun perahu yang berhampiran dengan pantai supaya berjaga, tetapi saya akan beritahu dengan Director of Marine tentang apa yang jadi di-Kuala Perlis itu. Berkenaan dengan membesarkan sungai itu saya akan rundingkan perkara ini kerana itu akan memakan banyak belanja dan memakan waktu juga.

Ahli Yang Berhormat wakil Dungun, saya dukachita-lah mendengar tentang mengelak[2]kan merbahaya itu, tetapi shukor juga-lah telah selamat suami isteri. Walau macham mana pun saya tahu yang saya sendiri dua tiga kali tergelinchir dekat situ. Kata orang ada *puaka* (*Ketawa*). Tetapi saya ta' tahu-lah benda itu, perkara ini saya akan rojok kapada Kementerian Kerja Raya dan jalan ini memang hendak di-luruskan. Saya akan rundingkan dengan Menteri yang berkenaan bagi membetulkan jalan itu.

Ahli Yang Berhormat wakil Seremban Timur supaya hendak di-kurangkan lagi berkenaan dengan company bas yang banyak taxi[2]. Chuba beritahu company bas itu kapada saya kerana banyak company bas yang ada taxi yang saya sudah berunding dan ia bersetuju memberi kapada orang[2] yang membawa taxi. Saya harap akan mendapat kerjasama dari company itu dan beberapa buah taxi itu saya akan panggil tuan[2] punya taxi itu, dan kita ta' mahu paksa dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan saya uchapkan terima kaseh berkenaan dengan lembu dan perkara[2] lalu-lintas. Dalam municipal Kuala Lumpur sekarang ini Persurojaya Kuala Lumpur itu ada Jawatan-Kuasa lalu-lintas pula, tetapi saya ada wakil juga yang dudok dalam Jawatan-Kuasa itu. Saya akan chuba-lah dengan seboleh[2]-nya. Ini ada-lah kesalahan lembu[2] itu, tetapi entah macham mana hendak di-tangkap dan di-simpan di-dalam kadang[2] itu. Saya akan rojok kapada Road Safety Council Kuala Lumpur nanti kelak dan saya harap mereka yang hendak membawa kereta hendak-lah berjimat sadikit kerana lembu itu haiwan, bukan macham kita. Kalau di-India atau Pakistan walau salah atau betul kalau kita langgar lembu atau kerbau, kita langgar kita salah. Di-sini ta' ada undang[2] macham itu (*Ketawa*).

Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir mengatakan yang saya hendak menolong orang Melayu, tetapi bila orang Melayu minta, tidak dapat. Jalan itu salah. Soal-nya bukan soal minta. Mereka mesti ada keterangan. Saya suka terangkan ia-itu kalau di-Kota Bharu itu ada 10,000 orang Melayu yang ingin hendak berniaga lori, mereka minta 10,000 lori, mereka hendak bawa barang siapa sampai 10,000 itu? Saya suroh orang Melayu berniaga lori itu supaya hidup, bukan suroh perniagaan-nya mati. Jadi itu sebab hendak di-siasat, dan orang itu hendak-lah datang menerangkan, manager-nya tidak perlu datang, sa-siapa juga boleh mewakili manager-nya, kerana takut kalau tidak saksi datang boleh jadi surat pengakuan[2] itu di-chop jadi apabila hendak di-siasat dan hendak di-bichara tidak dapat di-soal sahaja. Perkara itu tidak dapat saperti masa Jepun dahulu, main chop tahu sahaja. Oleh itu, chara yang sa-macham itu kita tidak boleh ikut. Kalau pehak yang bertanya tidak faham, boleh-lah bertanya kapada Registrar yang berkenaan di-Kota Bharu.

Dan berkenaan dengan ahli[2] Majlis Pelesen semua bukan orang Melayu yang membicharakan, itu tidak betul, di-Pantai Timur semua orang[2] Melayu hanya Pengerusi-nya sahaja Registrar, Pendaftar bukan orang Melayu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Saya kata kebanyakan-nya bukan orang Melayu.

Dato' Sardon bin Haji Jubir: Saya hendak tanya yang membicharakan itu ada-kah Central Licensing Board atau Regional Licensing Board. Ma'ana-nya, Kelantan dan Trengganu di-kira satu kawasan kalau Central Licensing Board ia-lah di-Kuala Lumpur ini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Central (Pusat).

Dato' Sardon bin Haji Jubir: Kalau Central (Pusat) saya suka terangkan nama-nya: Dato' Abdul Hamid (Bekas Hakim Besar Mahkamah Tinggi) dan Dato' Laksamana Haji Mohamed Razali dan dua orang lagi ia-lah orang China, tetapi kalau orang yang dua ini uzur, barangkali mereka bergilir[2]. Jadi soal-nya bukan soal orang Melayu atau orang China, kerana Pengerusi-nya ia-lah Pesuroh-jaya Pengangkutan Jalan Raya, ia tidak ada "pileh kaseh" sama ada beri kapada orang Melayu atau tidak, ia menjalankan tugas atas alasan yang di-bentangkan di-situ. Mereka yang tidak puas hati, sila minta ulang bichara kapada saya, tetapi sa-masa ini saya tidak menerima tentang ulang bichara itu. Jadi saya susah hendak menimbangkan.

Yang Berhormat dari Rawang mengatakan di-tempat membaharui lesen itu orang terlalu ramai. Saya suka menasihatkan kapada Yang Berhormat dan kapada orang ramai supaya menghantar dengan Registered Post ada lebeh baik, jadi tidak payah "queue". Kalau pulis tanya mana driving licence awak? Tunjokkan rasip register itu sudah chukup. Ini ada-lah satu daripada dasar Kementerian saya. Pejabat baharu yang hendak di-buat itu akan di-buat jauh sadikit ia-itu di-Petaling Jaya. Jadi orang tidak payah berkumpul. Perkara ini saya akan chuba baiki sa-berapa yang boleh. Tetapi berkenaan dengan driving test itu kita ada beri nombor daripada satu sampai dua puloh. Jadi apabila ia datang tentu ia di-layan mengikut giliran-nya.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Saya hendak tanya sadikit, saya fikir kalau terlanjor, saya minta Menteri betulkan, kalau tidak saya hendak pakai, ia-itu berkenaan dengan "kelendan" yang memakai "signal" dengan kaki itu tadi. Menurut chakap Menteri, oleh kerana is sedang bersemangat sangat kata-nya, beri nombor-nya, saya kensel lesen-nya. Ada-kah ini sa-benar-nya satu amalan yang di-buat oleh Kementerian ini mudah mengkenselkan lesen orang?

Dato' Sardon: Terima kaseh.

Mr. Chairman: Nanti dahulu (Kapada Dato' Sardon). Jawab sa-kali harong.

